

UICI 2022: SAINS, TEKNOLOGI DAN MANUSIA

# AKHLAK, ETIKA DAN MORAL

Pensyarah:

Akmaliza Abdullah

Tamar Jaya Nizar

Othman Napiah

# ETIKA DAN NILAI MANUSIA

- ✚ Kehidupan manusia tidak boleh lari dari nilai akhlak dan etika. Setiap perbuatan tidak akan terlepas daripada nilai baik mahupun buruk serta dosa dan pahala.
- ✚ Etika dan nilai yang lahir daripada diri seseorang menjadi ukuran baik atau buruknya seseorang individu. Bahkan bagi mereka yang tidak berpegang kepada mana-mana agama menjadikan akhlak dan etika sebagai piawai bagi balasan yang bakal mereka terima di akhirat kelak.

# ETIKA DAN NILAI MANUSIA

- ✚ Cuma bezanya ialah, dalam Islam, akhlak dan etika yang ada pada manusia hendaklah bersumberkan kepada wahyu dan tidak semata-mata bergantung kepada akal sahaja.

- ❖ Manusia dan akhlak atau moral merupakan dua entiti penting yang membentuk kemanusiaan dan menentukan eksistensinya, sama ada dihormati atau dihina.
- ❖ Manusia tanpa akhlak tidak akan menjadi manusia yang manusiawi. Walaupun manusia mungkin boleh dipisahkan daripada bidang ilmu atau pemikiran, bahkan juga mungkin boleh dipisahkan daripada agama dan kepercayaan, boleh hidup tanpa wang dan harta, boleh hidup tanpa pasangan tetapi manusia tidak boleh hidup tanpa atau dipisahkan daripada akhlak dan moral.

- ❖ Rasa bermoral atau berakhlak adalah sifat semulajadi dan selama berabad-abad telah menjadi ukuran bagi membenarkan sifat-sifat tertentu dan mencela sifat-sifat lainnya (al-Maududi, 1974:42).
- ❖ Sememangnya diakui, moral yang baik seperti keadilan, kebenaran, keberanian, kejujuran, dan ketaatan tetap mendapat sanjungan. Manakala kepalsuan, ketidakadilan, kezaliman, dan pemungkiran janji tetap tidak boleh diterima walau di mana-mana pun manusia itu berada. Demikian juga keadaannya dalam hal kriteria baik buruk tingkah laku kolektif masyarakat.

- ❖ Ukuran-ukuran moral manusia pada hakikatnya adalah universal dan telah diketahui benar oleh manusia sepanjang masa. Baik dan buruk bukan rekaan yang harus dicari-cari. Semua itu adalah realiti yang cukup dikenal dan difahami oleh semua orang.
- ❖ Perasaan tentang baik dan buruk adalah inheren dalam watak manusia. Lantaran, al-Quran cukup dengan menggunakan terminologi *al-ma'ruf* untuk menerangkan sesuatu yang baik lagi terpuji dan *al-munkar* untuk sesuatu perbuatan yang tercela.

❖ Ukuran-ukuran moral yang telah berada secara inheren dalam diri manusia telah dinyatakan dalam al-Quran:

Terjemahan: *“Maka diilhamkan pada dirinya tentang jahatnya dan taqwanya”*. (al-Syams, 91: 8)

❖ Jika nilai moral atau akhlak dikatakan sebagai bersifat universal, lantas timbullah persoalan-persoalan yang antaranya; Mengapa masih terdapat juga konflik tingkah laku sesama manusia?, Mengapa muncul falsafah-falsafah moral yang sedemikian banyak dan berbeza antara satu sama lain?, Apakah yang mendasari perbezaan-perbezaan itu?, Apa pula keunikan akhlak Islam di tengah-tengah sistem etika yang ada?, Atas dasar apakah Islam dikatakan mempunyai sistem moral yang sempurna?, Apakah sebenarnya sumbangan Islam dalam bidang etika manusia?



- ❖ Dalam menjawab persoalan-persoalan tersebut menurut al-Maududi (1967) sebab-sebab utamanya antara lain ialah:
  - i- Sistem moral ciptaan manusia gagal mengintegrasikan pelbagai perkara makruf atau nilai-nilai kebaikan dan norma-norma akhlak dalam menetapkan konsep dan aplikasinya untuk kehidupan.
  - ii-Perbezaan juga berpunca pada kriteria asas bagi menilai perbuatan-perbuatan baik atau buruk. Demikian juga terdapat perbezaan pada menentukan faktor-faktor yang mendorong sesuatu perbuatan dilakukan.

iii- Perkara lain yang tidak kurang pentingnya menjadi penyebab perbezaan ialah terdapat pelbagai pandangan semesta atau world view tentang peranan dan hakikat manusia, tujuan hidup, hakikat ketuhanan dan alam.

# Pandangan Barat tentang Moral Manusia

- Thomas Hobbes (1588-1679), seorang ahli falsafah Barat abad ke 16M dan penganut faham hedonisme atau epicureanisme mengatakan bahawa semua perbuatan manusia bertujuan untuk mendapatkan kenikmatan dan keinginan berseronok serta menjadi motivasi utama yang mendorong manusia melakukan sesuatu perbuatan.
- Hobbes juga berpendapat bahawa yang dinamakan baik itu apabila memenuhi kehendak nafsu manusia. Ia sama sekali tidak ada kaitan dengan kepercayaan-kepercayaan agama atau metafizik

- ❖ Setiap kebaikan mesti dikaitkan dengan kehendak seseorang. Berdasarkan pandangan beliau ini, Hobbes juga dikenal sebagai ahli falsafah **moral subjektivisme**.
- ❖ Ahli falsafah Jerman, Immanuel Kant (1724-1804) yang lahir di Königsberg, Prussia berpendapat bahawa setiap perbuatan manusia yang dikatakan bermoral ialah apabila bertujuan untuk menunaikan suatu tugas demi tugas itu sendiri.

- ❖ Baginya melakukan perbuatan sebagai tugas termasuk dalam amalan moral semua manusia yang menjadikan rasional akal sebagai asas moral manusia. Menurut Kant, kebaikan sesuatu perbuatan dinilai berdasarkan pada hukum atau norma-norma moral atau nilai-nilai universal bukan pada akibat atau kesan perbuatan. Falsafah etika Kant digolongkan dalam **etika deontologi**.
- ❖ Sebenarnya terdapat bermacam-macam falsafah moral yang menjadi pegangan masyarakat Barat. Tetapi umumnya kerana pengaruh ajaran sekularisme, mereka mengenenepikan kepercayaan kepada Tuhan dan hari akhirat sebagai sebahagian daripada kod etika mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial.

- ❖ Mereka lebih cenderung membataskan ajaran agama pada kehidupan peribadi semata-mata dan tidak ada kaitan dengan kehidupan sosial.
- ❖ Falsafah moral Barat boleh dikategorikan kepada dua asas. Pertama, sistem falsafah moral yang berasaskan sekularisme yang membataskan aplikasi nilai moral pada urusan individu sahaja. Kedua, sistem falsafah moral yang menolak kepercayaan agama dan hari akhirat.

# AKHLAK DALAM ISLAM

- Kata akhlak diambil daripada bahasa Arab yang berbentuk kata jamak atau *plural*, kata mufrad atau *singularnya* ialah *khuluq* yang diertikan oleh para sarjana sebagai perangai, tabiat, kebiasaan, maruah dan sebagainya.
- Dari segi istilah menurut Ibn Miskawayh (1030M), akhlak ialah keadaan kejiwaan seseorang yang mendorongnya melakukan suatu perbuatan atau tingkah laku tanpa memerlukan pertimbangan fikiran.

- Perkataan lain yang sering digunakan dengan erti akhlak ialah etika dan moral. Etika berasal daripada kata Greek ethos. Perkataan etika dan moral dalam bahasa Inggeris selalu berlaku tukar ganti penggunaannya.
- Etika adalah falsafah moral itu sendiri, iaitu suatu disiplin ilmu falsafah yang membincangkan hakikat perbuatan baik dan buruk, benar atau salah dan merangkumi pembahasan tentang sistem, teori, prinsip, dan nilai-nilai moral.
- Dewasa ini, perkataan etika lebih sering digunakan menggantikan perkataan moral yang berarti perbuatan yang mengikut piawai tingkah laku yang baik.



- Jika ditinjau dari segi perbezaan ketiga-tiga perkataan akhlak, etika, dan moral, didapati bahawa akhlak lebih menumpukan kepada aspek kejiwaan berbanding aspek luaran yang dilihat sebagai bukti mencerminkan gambaran hati seseorang.
- Manakala moral atau etika melihat tingkah-laku luaran sebagai aspek perbincangan atau kajian. Kemudian akhlak juga lebih menggunakan autoriti wahyu sebagai neraca atau sumber nilai di samping akal rasional sementara moral dan etika banyak berpandukan kepada rasional akal semata-mata.

# MATLAMAT AKHLAK

- ✘ Islam telah meletakkan usaha mencari keredhaan Allah sebagai matlamat akhir setiap tingkah-laku manusia baik zahir maupun batin, sesuai dengan world viewnya tentang peranan atau tugas manusia dan kehidupan.
- ✘ *Standard of judgment* atau piawai penilaian yang berpusat pada keredhaan Allah merupakan inti atau nucleus yang di sekelilingnya berputar seluruh tindakan dan perbuatan manusia.

# SUMBER AKHLAK

- Al-Quran dan Sunnah adalah rujukan dan perbendaharaan bagi nilai-nilai murni Islam yang universal dan kekal sepanjang zaman dalam segala keadaan. Hadis Rasulullah s.a.w menegaskan:

Terjemahan: *“Sesungguhnya aku diutuskan hanya semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”*. (Riwayat al-Baihaqi)

## SUMBER AKHLAK

- Allah S.W.T telah memuji Rasulullah kerana akhlakanya yang baik seperti yang terdapat dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T :

Terjemahan: *“Sesungguhnya engkau seorang yang memiliki peribadi yang agung (mulia)”*.

(Al-Qalam, 68:4)

# SKOP AKHLAK ISLAM

□ Skop akhlak Islam adalah luas merangkumi segenap perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan makhluk lain.

## 1- Akhlak dengan Allah

\*Beriman kepada Allah tanpa mensyirikannya;

\*Beribadah atau mengabdikan diri, tunduk, taat dan patuh hanya kepada Allah;

- \*Sentiasa bertaubat kepada Allah;
- \*Sentiasa mencari keredhaan Allah dalam segala keadaan;
- \*Melaksanakan perkara-perkara yang wajib, fardhu dan sunat-sunat yang merupakan amalan yang dicintai Allah.

## 2- Akhlak dengan manusia

- \*Akhlak dengan Rasulullah; iaitu beriman dengan penuh keyakinan bahawa nabi Muhammad adalah benar-benar nabi dan Rasul Allah yang menyampaikan risalah kepada seluruh manusia dan mengamalkan sunnah yang baik yang berbentuk suruhan ataupun larangan.

\*Akhlak dengan ibubapa; iaitu berbuat baik (berbakti) ke pada ibu bapa. Berbuat baik di sini mengandungi erti meliputi dari segi perbuatan, perkataan, dan tingkah laku. Contohnya, berkata dengan sopan dan hormat, merendahkan diri, berdoa untuk keduanya dan menjaga keperluan hidupnya apabila mereka telah uzur dan sebagainya.

### 3- Akhlak kepada jiran tetangga

\*Umat Islam dituntut supaya berbuat baik terhadap jiran tetangga, tidak menyusahkan atau mengganggu mereka seperti membunyikan televisyen kuat-kuat, tidak membuang sampah di muka rumah jiran, tidak menyakiti hati mereka dengan perkataan-perkataan kasar atau tidak sopan dan sebagainya.

### 4- Akhlak dengan anak-anak

\*Islam menetapkan peraturan terhadap anak-anak. Antara yang ditekankan ialah disembelih aqiqahnya, diberi nama dengan baik-baik, dihindarkan ia daripada perkara-perkara yang memudharatkan, dan diberi pengajaran dan pendidikan akhlak yang baik.



## 5- Akhlak dengan kaum kerabat

\*Berbuat baik kepada keluarga terdekat merupakan perbuatan terpuji yang sangat digalakkan. Firman Allah:

Terjemahan: *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan dan memberi kepada kaum kerabat. (al-Nahl, 16:90)*

## 6- Akhlak terhadap makhluk selain manusia:

- \*Malaikat: Akhlak Islam menuntut seseorang muslim supaya menghormati para malaikat dengan menutup kemaluan walaupun bersendirian dan tidak ada orang lain yang melihat.
- \*Jin: Adab terhadap golongan jin antaranya Rasulullah s.a.w. melarang membuang hadas kecil di dalam lubang-lubang yang terdapat najis dan tulang-tulang yang dibuang kerana ia adalah makanan jin.

- \* Haiwan ternakan: Haiwan yang digunakan untuk membuat kerja tidak boleh dibebani di luar kesanggupan. Malah ketika hendak menyembelih untuk dimakan sekalipun, maka hendaklah penyembelihan dilakukan dengan cara yang paling baik.
- \* Haiwan bukan ternakan: tidak menganiayai haiwan-haiwan bukan ternakan seperti mencederakannya dengan menggunakan batu dan sebagainya. Islam menetapkan bahawa alam ini tidak boleh dicemari dengan kekotoran yang boleh merosakkan kehidupan manusia dan kehidupan lainnya.

# MORAL DAN PERATURAN UNDANG-UNDANG

- # Untuk menegakkan pelaksanaan nilai-nilai akhlak dalam kalangan masyarakat manusia dalam semua aspek kehidupan, Islam di samping menggunakan penguatkuasaan undang-undang Syariahnya, tetapi yang lebih diutamakan adalah dorongan batin atau dalaman manusia yang berasaskan keimanan kepada Allah dan hari akhirat.
- # Lantaran itu, keimanan yang teguh perlu diterap dan dihayati oleh umat Islam dengan cara meyakini bahawa:

- i- Tingkah-lakunya sentiasa dilihat Allah dalam segala waktu dan tempat.
  
- ii- Dia dapat menyembunyikan dirinya daripada seluruh dunia tetapi tidak sekali-kali daripada Allah.
  
- iii- Dia dapat menipu setiap orang tetapi ia tidak dapat menipu Allah.
  
- iv- Dia dapat lari daripada genggaman manusia tetapi daripada genggaman Allah tidak sama sekali.

v-Dunia hanya dapat melihat kehidupan luar daripada dirinya tetapi Allah mengetahui segala niat dan cita-cita batinnya.

vi-Ia boleh sementara hidupnya melakukan apa saja yang disukai, tetapi betapapun ia mesti mati dan berdepan dengan pengadilan Allah di alam akhirat yang mana tidak berlaku semua kezaliman, penipuan, sogok, simpati dan penyelewengan kuasa tetapi yang berlaku adalah keadilan sepenuhnya.

- # Dengan keimanan yang teguh seperti di atas masyarakat Islam akan tetap berada pada jalan dan landasan makruf dan terhindar daripada terjerumus dalam lumpur dosa maksiat.
- # Tentunya semua penguatkuasaan hukum syariah di samping pendidikan yang berkesan amat membantu dalam menegakkan pelaksanaan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan yang penuh cubaan dan dugaan ini.

# RUJUKAN

- Ibn Maskawayh. 1966. *Tahzib al-Akhlaq*. Beirut. American University of Beirut
- Mohd. Nasir Omar. 1986. *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Antara Islam dan Barat*. Kuala Lumpur. Bheis. Jabatan Perdana Menteri.
- al-Maududi. 1967. *Ethical Viewpoint of Islam*. Speech Translated to English by Islamic Reach Academy, Karachi.